

19 MAR 1997

Mahathir-Anugerah

DR MAHATHIR KE ARAB SAUDI UNTUK TERIMA ANUGERAH RAJA FAISAL

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke Arab Saudi Jumaat ini untuk menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 - Khidmat Untuk Islam.

Beliau akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, majlis penyampaian anugerah itu akan diadakan Sabtu ini di Dewan Persidangan, Pusat Al-Khozamah di Riyadh.

Dr Mahathir yang telah dipilih sebagai pemenang anugerah itu kerana sumbangannya kepada Islam akan menerima sijil, sebuah pingat emas dan wang US\$200,000 (RM495,000).

Perdana Menteri diumumkan sebagai seorang daripada penerima anugerah Yayasan Raja Faisal pada 14 Jan lepas.

Yayasan itu ditubuhkan pada 1976 mengambil sempena nama raja Arab Saudi ketiga, Raja Faisal bin Abdul Aziz yang memerintah antara tahun 1964 dan 1975.

Yang akan turut ke Arab Saudi untuk mengiringi Dr Mahathir ialah beberapa Menteri dan pegawai kanan kerajaan. -- BERNAMA

MAM NMO